

# Ramadhan Bulan Penuh Keberkatan

## Pengenalan

Umumnya kita mengetahui dengan penuh yakin bahawa Allah SWT telah menganugerahkan kepada hambaNya dua belas bulan dalam putaran setahun. Jika dilihat dari sudut sejarah, maka akan diketahui bahawa terdapat beberapa peristiwa penting yang berlaku di dalam bulan-bulan berkenaan. Hal ini tidak terkecuali pada bulan Ramadhan.

Bulan Ramadhan yang berada pada bulan kesembilan selepas Sya`ban merupakan bulan yang diwajibkan ke atas seluruh insan yang beriman menunaikan ibadah puasa. Perkataan Ramadhan pada awalnya telah diberikan oleh masyarakat arab ketika mereka sedang menghadapi cuaca yang panas. Justeru, secara terminologinya Ramadhan itu bermaksud panas. Panas yang dimaksudkan di sini adalah seperti membakar segala dosa dengan melakukan amal soleh. Anologi inilah yang telah dinyatakan oleh beberapa sarjana Islam yang terdahulu seperti al-Khatib al-Syarbini di dalam *Mughni al-Muhtaj*.

Puasa secara definisinya bermaksud menahan diri daripada makan dan minum serta perkara yang dilarang bermula dari terbit fajar sehingga terbenamnya matahari. Oleh yang demikian, apabila tibanya bulan Ramadhan kita dapat melihat ibu bapa akan berusaha mentarbiyah anak-anak mereka untuk menuruti perintah ini. Terdapat dalam kalangan ibu bapa yang mengajarkan anak-anak mereka untuk bangun seawal pagi untuk bersahur bersama, malahan terdapat juga yang memberi ganjaran tertentu kepada anak-anak mereka dengan puasa yang berjaya dihabiskan. Didikan sebegini adalah sangat penting bagi melenturkan diri anak-anak kecil supaya berusaha sedaya upaya mematuhi segala perintah Allah SWT.

## Sejarah Pensyariatannya

Telah menjadi kemestian apabila tiba bulan Ramadhan rata-rata para agamawan akan membawakan dalil pensyariatannya yang terdapat di dalam Surah al-Baqarah ayat 183, sebagai arahan jelas kewajipan menunaikan ibadah puasa.

*“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu semua berpuasa seperti mana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu dalam kalangan kamu, mudah-mudahan kamu memperoleh ketaqwaan”*

Ayat yang diturunkan pada bulan Sya`ban dalam tahun kedua hijrah inilah menjadi jawapan jelas kepada keseluruhan umat Islam menunaikan ibadah puasa. Namun begitu, sebelum penurunan ayat ini telah menjadi kebiasaan masyarakat arab untuk berpuasa setiap kali tibanya hari Asyura`. Ketika Nabi SAW tiba di Madinah, Baginda SAW melihat keadaan tersebut dan mengarahkan kepada masyarakat arab ketika itu untuk terus melakukan hal demikian. Sehingga lah penurunan dalil kewajipan berpuasa itu turun, maka Nabi SAW mengarahkan agar puasa Asyura`

yang dilakukan itu digantikan dengan kewajiban berpuasa pada bulan Ramadhan selama sebulan. Adapun puasa Asyura` yang menjadi kebiasaan masyarakat ketika itu diberi pilihan untuk melakukannya atau sebaliknya.

Situasi demikian telah diriwayatkan oleh `Aisyah di dalam *Sahih al-Bukhari*:

*“masyarakat arab semasa zaman jahiliyyah mereka berpuasa pada hari Asyura`, kemudian Nabi SAW memerintahkan mereka untuk melaksanakan puasa itu sehinggalah difardhukan berpuasa pada bulan Ramadhan”, dan telah bersabda Nabi SAW: “siapa yang hendak berpuasa silakan dan siapa yang hendak berbuka silakan”*

(*Sahih al-Bukhari*: Nombor Hadith: 1893)

### **Kelebihan Bulan Ramadhan**

Ibadah puasa yang dilakukan bukan hanya semata-mata menuntut untuk menahan lapar dan dahaga sahaja. Bahkan ianya menuntut pengorbanan yang lebih besar daripada itu. Nafsu kebiasaan insan seperti makan, minum, melakukan hubungan antara suami dan isteri, bercakap perkara yang sia-sia dan sebagainya ditahan seketika pada waktu siang. Bahkan Nabi SAW dalam beberapa sabdanya telah menetapkan hukuman bagi mereka yang terkandas dalam menuruti larangan yang ditetapkan. Ini seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah di dalam *Sahih al-Bukhari*:

*“telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW lalu berkata: celakalah aku! telah bersabda Nabi SAW: “kerana apa?”, lelaki itu berkata: “aku telah menggauli isteriku pada siang hari di bulan Ramadhan”, maka Nabi SAW bersabda: “kalau begitu merdekakanlah seorang budak”, lelaki itu berkata lagi: “aku tidak miliknya” maka Nabi SAW bersabda: “berpuasalah dua bulan berturut-turut” lelaki itu menjawab: “aku tidak mampu”, maka Nabi SAW bersabda: “sekiranya tidak mampu, maka berilah makan kepada enam puluh orang miskin”, lelaki itu menjawab: “aku tidak mendapati sesuatu”, Nabi SAW diberi bekas yang terdapat di dalamnya kurma. Maka Nabi SAW bersabda: “dimanakah orang yang bertanya tadi?” lelaki itu menjawab: “ya, ini aku”, Baginda SAW bersabda: bersedekahlah dengan ini” lelaki itu berkata: “apakah ada orang lain yang memerlukan daripada kami, wahai Rasulullah? Maka demi Zat yang telah mengutusmu dengan membawa kebenaran tidak terdapat ahlu bait di antara bua bukit itu yang lebih memerlukannya daripada kami” maka Nabi SAW tertawa sehingga nampak gigi garhamnya, Baginda SAW bersabda: “kalau begitu, sedekahlah kepada keluargamu”*

(*Sahih al-Bukhari*, Nombor Hadith:5368)

Hadith ini memberi contoh yang jelas agar umat Nabi SAW memandang serius setiap larangan yang difirmankan oleh Allah SWT dan disabdakan oleh Baginda SAW. Menyedari akan hakikat ini, maka Allah SWT telah mengurniakan beberapa kelebihan pada bulan Ramadhan berbanding dengan bulan-bulan yang lain dan dianggap sebagai “hadiah tunai” yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambaNya yang berjaya menahan naluri kebiasaan insan pada siang harinya.

Maka menerusi lisan Nabi SAW, Baginda SAW telah menerangkan beberapa kelebihan yang terdapat di dalam bulan Ramadhan dan tidak terdapat di dalam beberapa bulan yang lain. Antara kelebihan yang terdapat di dalam bulan Ramadhan ini adalah seperti:

- a) Pintu langit dibuka, pintu neraka dikunci dan semua syaitan di rantai

*“apabila masuk bulan Ramadhan dibuka semua pintu langit, dan dikunci semua pintu neraka, dan para syaitan dirantai”*

(Sahih al-Bukhari; nombor hadith 1899)

- b) Diampuni segala dosa yang akan datang

*“barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, akan diampun dosanya yang telah lalu, dan barangsiapa yang mendirikan solat pada malam laitul qadar dengan penuh keimanan dan pengharapan akan diampun dosanya yang telah lalu”*

(Sahih al-Bukhari; nombor hadith 2014)

- c) Keberkatan pada waktu sahur

*“bersahurlah kalian kerana di dalam sahur itu terdapat keberkatan”*

(Sahih al-Bukhari; nombor hadith: 1923)

- d) Doa orang yang berpuasa dikabulkan oleh Allah SWT

*“tiga golongan doa mereka tidak ditolak, orang yang berpuasa sehingga ia berpuasa, pemerintah yang `adil dan doa orang yang dizalimi, Allah akan mengangkat doanya ke atas awan dan dibukakan untuknya pintu-pintu langit dan Allah SWT berfirman: “demi kemuliaanKu, aku akan menolongmu selepas beberapa saat”*

(Sunan al-Tirmidzi, dinilai hasan; nombor hadith 3598)

- e) Terdapat *Lailatul Qadar*

*“sesungguhnya telah tiba kepada kamu semua bulan Ramadhan, bulan yang penuh keberkatan, Allah telah menfardhukan kepada kamu semua untuk berpuasa, dibukakan padanya pintu-pintu syurga, dikunci padanya pintu-pintu neraka, dibelengu pada para syaitan, di dalamnya terdapat malam yang lebih baik daripada seribu malam, dan barangsiapa yang tidak mendapat kebaikan padanya bermakna ia telah terhalang untuk mendapat kebaikan di dalamnya”*

(Musnad Ahmad, matannya dinilai sahih; nombor hadith 7148)

Hadith-hadith di atas adalah sebahagian kecil bagi menggambarkan keberkatan yang terdapat di dalam bulan Ramadhan. Perlu diketahui bahawa keberkatan yang terdapat di dalam bulan Ramadhan adalah disebabkan turunnya al-Quran di dalam bulan ini. Atas dasar itu juga, bulan Ramadhan ini turut dikenali dengan nama “*sayyid al-syahru*” yang bermaksud “penghulu sekalian bulan” dan inilah keberkatan besar yang terdapat di dalam bulan Ramadhan.

## **Penutup**

Oleh yang demikian, dengan berbagai kelebihan yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada hambaNya adalah penting untuk setiap hambaNya menjadikan Ramadhan sebagai “lubuk” pahala dengan mengerjakan amalan soleh bagi menghapuskan segala dosa yang telah dilakukan. Maka jadikanlah Ramadhan pada kali ini adalah yang terbaik pernah dilalui oleh kita.

(Sumbangan artikel oleh: Kapten Dr Mohd Nor Adli bin Osman – Jurulatih ILMI)